

01 JAN 2002

MCA-Mesyuarat/I

KUMPULAN BERLAINAN DALAM MCA BERTEMU DI KANGAR JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin MCA dari kumpulan berbeza akan bertemu di Kangar pada 4 Jan untuk membincangkan persediaan bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Perlis negeri kawasan Indera Kayangan yang akan datang.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata beliau akan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Raya MCA yang akan dipengerusikan oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Saya akan menghadiri mesyuarat itu yang akan diadakan sempena pilihan raya kecil Indera Kayangan untuk membincangkan persediaan pilihan raya," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Lim ditanya tentang kenyataan Dr Ling semalam selepas pertemuannya (Dr Ling) dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa semua pemimpin MCA akan ke Indera Kayangan dan berkempen sebagai satu paskan MCA bagi Barisan Nasional (BN) selain berada di sana pada Sabtu ini sebagai menunjukkan perpaduan parti.

Dr Ling menemui Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, untuk mengemukakan senarai calon bagi pilihan raya kecil Indera Kayangan untuk pertimbangan beliau.

Dr Mahathir hari ini menasihatkan pemimpin-pemimpin MCA supaya mengetepikan perbezaan mereka dan memberi tumpuan kepada memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya kecil itu.

Dr Mahathir berkata nasihat itu juga diberikan kepada dua kumpulan bertikai dalam MCA yang menemui beliau secara berasingan di Putrajaya semalam.

Dr Ling menemui Dr Mahathir selama 40 minit mulai 3 petang manakala Lim, naib presiden parti Datuk Chua Jui Meng, Ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat dan anggota jawatankuasa pusat MCA Datuk Wong Mook Leong menemui beliau hampir sejam mulai 5 petang.

-- BERNAMA

AT MFJ AO NAK